

KONSEP JIHAD ULAMA MELAYU-ISLAM DALAM KITAB JAWI TERPILIH: SATU ANALISIS

*The Jihad Concept of Malay Islamic Scholars in Selected
Jawi Books: An Analysis*

^{1*}RAHIMIN AFFANDI ABD RAHIM

²SYAMSUL AZIZUL MARINSAH

³AHMAD FARID ABD JALAL

¹Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

³Muzium Seni Pahang, Jalan Masjid, 25000 Kuantan, Pahang

Corresponding author: ¹fagir_ilia_rabbih@um.edu.my,

²syamsulazizul@ums.edu.my,

³farid.muzium@gmail.com

Dihantar: 8 Feb 2022, Penambahbaikan: 20 Mei 2022, Diterima: 31 Mei 2022, Terbit: 28 Jun 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3772>

Abstrak Sejarah Malaysia membuktikan perjuangan orang Melayu menentang penjajah di Tanah Melayu dilakukan oleh pelbagai pihak dan gerakan. Namun begitu, perjuangan golongan ulama dalam membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu penjajahan kurang didedahkan. Justeru, objektif kajian ini cuba menganalisis konsep jihad ulama Melayu-Islam yang terkandung dalam kitab Jawi terpilih. Hal ini perlu bagi membuktikan peranan ulama Melayu Islam dalam menyemarakkan semangat nasionalisme seperti yang terkandung dalam fakta sejarah karya-karya kitab Jawi tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati, peranan ulama Melayu-Islam dalam kebangkitan menentang penjajah terbukti, khususnya *Ashab Jawi*. Fakta sejarah dalam kitab Jawi yang dipilih membuktikan hal ini walaupun peranan mereka sering ditenggelamkan oleh paparan sejarah tajaan British. Mereka menonjolkan tokoh feudal Melayu sebagai pejuang kemerdekaan terawal. Pandangan palsu ini wajib diperbetulkan demi menimbulkan kebenaran dan menunjukkan dimensi jihad ulama Melayu bercirikan semangat keagamaan dan nasionalisme.

Kata kunci: Jihad, ulama Melayu, kitab Jawi, Ashab Jawi, Tanah Melayu.

Abstract The history of Malaysia proves that various parties and movements carried out the struggle of the Malays against the colonialists in Malaya. However, the struggle of the ulama in liberating Malaya from the shackles of colonialism is less exposed. Thus, the objective of this study is an attempt to analyze the concept of jihad of Malay-Muslim scholars contained in selected Jawi books. This is necessary to prove the role of Malay Islamic scholars in igniting the spirit of nationalism as contained in the historical facts of the works of the Jawi book. Therefore, this is a qualitative study that employs data collection techniques such as library research and document analysis. The study results found that the Malay-Muslim scholars played a significant role in the uprising against the colonialists, specifically the Ashab Jawi. Historical facts in selected Jawi scriptures prove this even though their role is often overshadowed by British-sponsored historical displays. They highlighted Malay feudal figures as the earliest independence fighters. This false view must be addressed to reveal the truth and show the dimension of jihad of Malay scholars characterized by religious spirit and nationalism.

Keywords: Jihad, Malay-Muslim scholars, Jawi book, Ashab Jawi, Malaya.

PENGENALAN

Secara umumnya, dalam konteks Tanah Melayu, ulama dan gerakan Islam telah menjadi pemicu utama dalam perjuangan menentang penjajahan. Walaupun pada era tersebut ulama belum diterima menjadi satu institusi umum, tetapi peranan mereka dalam mengetuai dan memimpin masyarakat menentang penjajah sangat signifikan. Kebangkitan mereka menentang kezaliman dan penjajahan boleh dilihat umpamanya dalam sejarah nasionalisme di Tanah Melayu seperti yang berlaku di Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Melaka, Johor dan kawasan sekitarnya (Mamat & Jonit, 2019). Premis utama kajian ini adalah untuk mendedahkan peranan ulama Melayu-Islam sebagai tokoh mujahid sejati dalam memperjuangkan nasionalisme di Tanah Melayu. Hal ini dibuat berdasarkan bukti-bukti sejarah dan paparan sarjana kolonial sendiri. Mereka menjelaskan bahawa ulama *Ashab Jawi* adalah tokoh sebenar yang meniupkan dan memperjuangkan semangat anti penjajah Barat di Alam Melayu. Tokoh ulama yang dimaksudkan ialah ulama Melayu era silam

(abad ke 17-20) yang terlibat secara langsung menimbulkan semangat jihad di Alam Melayu, antaranya Syeikh Daud Pattani, Yusuf Makasari, Abdul Samad Palimbani, Tokku Paloh, Tok Janggut dan sebagainya.

DASAR PENJAJAH DI TANAH MELAYU

Dalam konteks Tanah Melayu, pada zaman kolonial khususnya pada era pihak British sebagai penjajah, mereka memaklumi tentang konsep dan peranan jihad yang dibawa oleh ulama Melayu-Islam (*Ashab Jawi*). Justeru, mereka telah menjalankan beberapa dasar utama dalam usaha menghalang perkembangan agama Islam dalam kalangan orang Melayu. Situasi ini berlaku kerana pihak British khuatir kemampuan gerakan Islam (berpotensi menjadi politikal Islam) mampu mengancam dan mengurangkan kuasa dan dasar penjajahan British di Tanah Melayu (Hassan, 2007). Perkara ini didasari kepada beberapa punca utama, antaranya:

1. Kesedaran Gerakan Islam sebagai Faktor Pemangkin Nasionalisme

Dalam usaha pihak kolonial menstrukturkan kembali masyarakat Melayu, mereka sentiasa menyedari bahawa ulama dan gerakan Islam banyak mempengaruhi cara hidup masyarakat Melayu dan berperanan sebagai pembentuk jati diri orang Melayu. Menurut penjajah British dan Belanda, agama Islam dilihat sebagai suatu benteng penghalang, kejayaan rancangan mereka di Tanah Melayu yang perlu diambil perhatian serius. Namun begitu, dasar-dasar pengekangan ini perlu dilakukan secara halus dan cermat kerana dikhuatiri akan menimbulkan penentangan dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat umpamanya dalam perkara-perkara berikut:

- a. Mekanisme perancangan pengguguran subjek sejarah Islam dari silibus pelajaran sekolah-sekolah Melayu yang dilakukan oleh R.J. Wilkinson dan Winstedt (Noor, 2001). Subjek tersebut didakwa berpotensi menimbulkan kesedaran masyarakat Melayu tentang era kegemilangan peradaban Islam (Ozay, 2011).
- b. Penjajah Belanda dan British mempercayai bahawa institusi haji dan ulama sebagai medium penggugat kuasa penjajah (Al-Junied,

2005). Mereka beranggapan bahawa ibadat haji tersebut merupakan usaha agama Islam untuk melahirkan para pejuang agama Islam untuk menggugat kuasa penjajah barat. Oleh yang demikian, mereka mengambil inisiatif untuk menghalang dan menyekat program haji masyarakat Melayu.

- c. Pegawai pentadbir Belanda dan British yang sememangnya mempunyai latar belakang pendidikan Barat yang terdedah dengan gerakan orientalisme dan kolonialisme.
- 2. Usaha Penjajah Mengkekang Potensi Agama Islam di Tanah Melayu.

Pada dasarnya, pihak British menyedari sumbangan institusi pengajian Islam dalam memperkasa keilmuan dan membanteras kejahilan dalam masyarakat Melayu. Hal ini kerana, institusi Islam mampu membangunkan sistem politik Islam dengan terbentuknya pelbagai kota dan empayar Melayu-Islam di Nusantara. Malah, pihak British mengakui bahawa mereka gagal untuk memahami bagaimana proses pengislaman yang berlaku mampu mengubah paradigma pemikiran orang Melayu. Hal ini dijelaskan oleh John Taylor bahawa sekiranya pihak British tidak menjajah Tanah Melayu, sudah tentu hukum Islam akan menjadi *Law of The Land* Tanah Melayu. Implikasi daripada situasi tersebut, mereka meminimumkan pengaruh agama Islam dengan mewujudkan sistem pendidikan moden yang mampu menjawab setiap persoalan penting dalam kalangan masyarakat. Untuk itu, mereka mengaplikasikan pendekatan hegemoni dengan berkempen bahawa silibus pendidikan Islam adalah tradisi dan jauh ketinggalan dari arus kemodenan. Sistem pendidikan Barat ini digambarkan seperti berikut (Tan, 2009);

- a. Sistem yang tidak adil. Hal ini demikian kerana, wujud jurang perbezaan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu. Hanya kerabat raja dan pembesar Melayu sahaja akan dapat menikmati pendidikan yang baik daripada segi kualiti guru dan fasiliti. Kelebihan ini tidak diberi kepada masyarakat Melayu marhaen.

- b. Perbezaan matlamat pendidikan. Bagi anak-anak aristokrat, mereka akan diberikan kedudukan dan keistimewaan dalam satu penjawatan. Untuk masyarakat bawahan, mereka akan terus dikenakan sebagai golongan bawahan dan diarahkan bekerja sebagai pemandu kereta kuda dan seumpamanya.
- c. Dasar sistem pendidikan yang mandul. Silibus pendidikan gagal meningkatkan keupayaan individu dan komuniti dalam masyarakat. Malah, ia langsung tidak mampu melatih pemikiran kritis dan kritis (Nawang, 1998). Bagi silibus kerabat diraja, mereka didedahkan dengan subjek yang mengetengahkan kuasa dan sistem nilai British. Untuk kelas bawahan, mereka diajar dengan kemahiran 3M sahaja (membaca, menulis, mengira) (Ariffin *et al.*, 2012).

Berdasarkan catatan sejarah di Alam Melayu, memang diakui, ulama pondok tidak pernah berhadapan secara langsung dengan pihak British, tetapi kewujudan keduanya dalam arus pemikiran yang berbeza tidak dapat disangkal. Dalam banyak keadaan, tindakan ulama Islam terhadap hegemoni sistem penjajahan dan pendidikan British dibuat dalam beberapa cara:

- a. Institusi pondok telah menjadi *platform* terakhir umat Islam mempertahankan akidah Islam daripada dicemari oleh ideologi penjajah. Malah, golongan ulamalah yang mempelopori secara langsung gerakan anti penjajah (Ghazali, 2012). Hal ini boleh dilihat dalam gerakan Tokku Paloh yang menyokong dan memberi suntikan semangat jihad kepada perjuangan Dato Bahaman (Ismail *et al.*, 2014). Bahkan, dalam bentuk yang lebih proaktif Tokku Paloh telah membantu menyekat cubaan campur tangan British di Terengganu. Dalam soal ini, Tokku Paloh telah mengatur strategi politik yang strategik dengan memasukkan fasal 14 dalam Perlumbagaan *Itqan Muluk*:

maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya itu atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau Huquqnya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lainnya. Maka jika laju raja cubai lalui larangan dan tegahan ini nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan amanah

yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu. Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli-ahli kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaannya dan diangkatkan gantinya pula.

Fasal 14 ini secara jelas menetapkan bahawa tidak sah tindakan raja yang membuat pakatan dengan kuasa kafir luar. Hal ini ternyata benar, apabila fasal 14 ini terbukti telah menyulitkan tugas Harold Mac Michael untuk mempengaruhi sultan Terengganu untuk menandatangani dokumen persetujuan penubuhan Malayan Union yang membawa maksud penyerahan kuasa raja-raja kepada gabenor British (Wahid, 1992).

- b. Karya ulama Melayu yang mengandungi topik jihad serta doktrin politik memang diterapkan dalam sistem pengajian ilmu di Alam Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa dalam silibus pengajian Pondok Alam Melayu, isu jihad memang dijadikan teras wajib yang perlu dipelajari oleh umat Islam. Oleh hal yang demikian, tidak keterlaluan boleh dikatakan doktrin jihad juga berlaku selari dengan proses Islamisasi Alam Melayu.
- c. Ulama memberi respons proaktif dengan program pembaharuan pendidikan British. Dalam konteks negeri Kelantan, hal ini telah dipelopori oleh ulama-pentadbir pendidikan Islam. Hal ini terbukti daripada kajian Nur Azuki Yussuf yang mendapati ulama-pentadbir pendidikan Islam di Kelantan telah melaksanakan gerakan reformasi dalam bentuk penambahbaikan sistem, kurikulum dan struktur yang sebaiknya. Usaha reformasi tersebut terbukti berkesan dan menjadikan sekolah agama di Kelantan tetap maju dan menjadi pilihan keluarga Melayu (Yusuff, 2007).

FAKTOR UTAMA KEBANGKITAN NASIONALISME DI ALAM MELAYU

Pada asasnya, kesedaran politik yang berlaku pada peringkat global dan di Asia Tenggara khususnya telah mendorong kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, pelbagai dasar yang diperkenalkan oleh penjajah menyebabkan pelbagai gerakan cuba untuk menentang

kezaliman dan penjajahan. Secara mudahnya, pengkaji meletakkan beberapa sorotan dalam membincangkan faktor utama kebangkitan nasionalisme di Alam Melayu, antaranya:

1. Senario Hubungan Politik Dunia Era Perang Salib

Dalam konteks global iaitu pada era pasca perang salib, ulama Islam telah menyedari idealisme teori Kerajaan *Dar Islam* dan *Dar Harbi*. Pada waktu tersebut, umat Islam menguasai elemen strategik dunia yang berupa jalinan perdagangan antarabangsa. Sememangnya bangsa Arab telah mendahului bangsa Eropah dalam mendominasi jalan perdagangan antara Timur dan Barat (Reid, 1990). Oleh itu, pedagang Arab lebih memahami bentuk selok-belok sistem politik - perdagangan dunia secara makro dilaksanakan (Tahtooch, 1987). Hal ini kemudiannya disusun semula oleh sarjana politik Islam dalam teori politik Islam. Sejak dari peringkat awal lagi, pedagang Barat terpaksa bergantung maklumat yang diperoleh daripada pedagang Arab untuk mengetahui selok-belok politik Alam Melayu, termasuklah penduduknya (Braddel, 1851).

Rentetan daripada itu, kedua bangsa tersebut menyedari terdapat persaingan dua kuasa besar dunia berasaskan kepercayaan agama dan ketenteraan, iaitu negara Islam dan bukan Islam (diwakili oleh Portugis/ Kristian yang memang memusuhi negara Islam). Di pihak negara Islam pula, terdapat beberapa pakatan/blok, antaranya; (i) Empayar Turki yang memegang status khalifah Islam dan kuasa ketenteraan (Peacock, 2015); (ii) Kerajaan Mughal dan Saljuk yang turut memiliki ketenteraan yang kuat; (iii) Negara Islam Timur Tengah menjadi pusat intelektual dan keilmuan Islam dan (iv) blok Alam Melayu yang sememangnya dipengaruhi oleh kerajaan Islam (Talib, 1997). Dari segi perancangan strategik, kesemua pakatan/ blok Islam ini mengakui bahawa kerjasama politik sangat penting untuk dikekalkan. Kesepakatan ini membabitkan;

Pertama: Kepentingan mengekalkan dominasi pedagang Islam di sepanjang rangkaian laluan perdagangan. Dalam konteks Alam Melayu, Alam Melayu berpotensi untuk menjadi pengeluar utama bahan mentah yang sangat diperlukan oleh industri kuliner dunia pada masa tersebut. Hal

ini dibuktikan dengan fakta kawasan Alam Melayu berkembang menjadi pusat tumpuan utama yang dikunjungi kapal pedagang asing bagi memenuhi *demand* bahan mentah oleh industri kuliner dunia. Banyak kapal pedagang dari Eropah dilaporkan datang berdagang di Alam Melayu, khususnya di Aceh (Hassan, 2014). Pihak Barat mengakui hal tersebut seperti dalam catatan yang diberikan oleh seorang pentadbir Portugis di Asia, iaitu Jorange de Lamos (1585). Beliau mengatakan bahawa sekiranya Aceh dan Alam Melayu berjaya dikuasai, nescaya Portugis akan mendominasi rangkaian laluan perdagangan dunia.

Kedua: Kepentingan menyediakan bantuan jaringan ketenteraan sesama pakatan/blok Islam serta jaringan keilmuan. Sejarah mencatatkan genre kitab-kitab Islam yang pelbagai telah tersebar dan diterbitkan di kawasan tertentu dalam blok-blok ini, antaranya di Istanbul, Mumbai, Alam Melayu, Mesir dan Mekah (Ishak, 2000). Pada masa ini, Kerajaan Aceh dan Turki berperanan sebagai penyenggaraan logistik dalam memperjuangkan agenda politik Islam (Madjid, 2012).

2. Dimensi Intelektual dalam Perjuangan Jihad

Pada asasnya, ulama dan mubaligh awal Islam mengetahui konstruk senario pertentangan politik antarabangsa antara kedua blok Islam Islam dan bukan Islam. Ulama Melayu memahami bahawa pembangunan tamadun material dan intelektual umat Islam perlu bergantung kepada konsep *Jahada*. Perkataan *jahada* ini apabila dipergunakan dalam bidang ilmu akan melahirkan *ijtihad*, iaitu penyelidikan ilmu Islam untuk kegunaan masyarakat, manakala perkataan *jahada* ini dalam bidang politik akan menjadi konsep *jihad*. Ia adalah usaha mempertahankan tamadun Islam daripada ancaman musuh dalaman dan luaran. Bagi ulama jawi silam, mereka memahami musuh dalaman ini berupa nafsu manusia yang perlu ditangani menggunakan ilmu tasawuf. Musuh luaran adalah kuasa kafir yang bakal merosakkan umat Islam.

Bagi ulama Alam Melayu dalam generasi kedua dan ketiga, legasi yang ditinggalkan oleh mubaligh yang awal perlu dipertahankan. Ia berupa:

- a. Sistem kerajaan Melayu Islam yang melaksanakan pemerintahan Islam. Kerajaan Islam ini merupakan tapak asas yang memungkinkan syariah Islam dapat dilaksanakan.
- b. Usaha penerapan budaya ilmu merangkumi institusi pengajian Islam dan penghasilan kitab jawi bagi mendukung sistem pemerintahan Islam. Apa yang jelasnya, sesuatu tamadun kebendaan yang tidak didukung dengan budaya ilmu umpama istana indah yang dibina dengan pasir, akan senang musnah apabila dilanda perubahan.
- c. Memahami musuh umat Islam sebenar; kuasa kafir yang pasti akan meruntuhkan tamadun Islam. Melalui penegasan al-Quran bahawa orang Kristian dan Nasrani pasti akan menjadi musuh Islam yang abadi. Hal ini dibuktikan dengan beberapa siri perang salib yang berlaku antara Islam dan kuasa Kristian. Kita boleh berbangga apabila mubaligh awal di Alam Melayu berjaya menanamkan dalam diri umat Melayu Islam bahawa kuasa politik Kristian adalah musuh abadi umat Islam. Hal ini dapat dilihat umpamanya dalam konteks penjajahan yang membuktikan penduduk Alam Melayu sangat sukar tunduk kepada agama Kristian.

KONSEP JIHAD ULAMA MELAYU ISLAM DALAM KITAB JAWI TERPILIH

Mengikut Hasanuddin Daud (2009), terdapat tiga strategi besar yang dilakukan oleh ulama Alam Melayu bagi memperkasakan perjuangan jihad. Antaranya:

1. Institusi Haji sebagai Wadah Perkaderan Pejuang Islam

Pada asasnya, hubungan bersejarah Alam Melayu dengan wilayah Timur Tengah dalam konteks hubungan intelektual telah lama berlaku. Ulama Alam Melayu yang berpendidikan Timur Tengah memberikan sumbangan

yang besar dalam konteks jihad di Alam Melayu (Bruinessen, M. V, 1992). Hasil kesinambungan jaringan intelektual dan ukhuwah tersebut, isu penjajahan dan kezaliman penjajah mempengaruhi gerakan islah dan nasionalisme di Alam Melayu. Hal ini boleh dilihat umpamanya dalam isu penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511, secara tidak langsung, berhasil mempengaruhi kebangkitan nasionalisme wilayah Aceh daripada dibelenggu penjajahan kuasa barat (Hadi, 1992).

Fenomena ini sebenarnya dipengaruhi oleh gerakan islah yang berlaku di Timur Tengah oleh para ulama. Selain bergiat aktif melahirkan golongan ulama (*warasatul anbiya*), mereka juga berjaya menyemai semangat jihad dalam kalangan ulama yang berasal dari Alam Melayu. Ulama tersebut antaranya Syeikh Muhammad al-Fathani dari Patani (Thailand), Syeikh Muhammad Zain al-Ashi dari Aceh (Indonesia) dan Syeikh Muhammad al-Falimbani dari Palembang (Indonesia). Para ulama di Makkah tersebut juga telah melahirkan ramai ulama yang berpengaruh di Alam Melayu seperti Syeikh Yusuf al-Maqassari (Makassar), Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Syeikh Abdul Wahab Bugis, Syeikh Muhammad Ali Aceh dan Syeikh Daud al-Fathani dan seumpamanya (Daud, 2009; Darusman, 2008).

Dalam konteks Alam Melayu, tokoh ulama yang tidak asing lagi dalam memperjuangkan semangat jihad ialah Syeikh Daud al-Fathani dan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Kedua-dua tokoh ini terlibat dalam peristiwa jihad melawan penjajah Siam di Pattani. Rentetan daripada peristiwa jihad ini, ia melahirkan pejuang jihad ulama Melayu yang lain antaranya ialah Syeikh Muhammad Bendang Daya, Syeikh Abdul Qadir Mustafa Bendang Daya, Syeikh Wan Hasan Besut, Syeikh Abdul Halim Kelantan, Tuanku Tambusai Minangkabau dan Raja Ahmad Raja Ali Riau yang merupakan kader Syeikh Daud al-Fathani (Masae & Hamid, 2014).

Jaringan intelektual dan perjuangan seterusnya diwarisi oleh generasi terkemudian antaranya ialah Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani yang menjadi rujukan dan individu penting dalam sejarah kebangkitan perjuangan melawan penjajah di Alam Melayu (Samsudin & Yahaya, 2011). Atas dasar itu, Mekah telah menjadi pusat tumpuan pembentukan gerakan

memperjuangkan kemerdekaan umat Islam. Hasilnya ramai ulama lulusan Mekah ini telah mempelopori secara langsung gerakan-gerakan antipenjajah di tanah air mereka. Antara contoh yang jelas adalah Perang Padri, Perang di Banten, Makassar, Pattani dan Palembang.

2. Penghasilan Karya Jihad untuk Masyarakat Alam Melayu

Di Alam Melayu, peranan ulama Melayu-Islam dalam pembinaan korpus keilmuan tidak dapat disangkal. Selari dengan perkembangan pesat dalam tradisi penulisan, Juhari (2008) menjelaskan terdapat kira-kira 1,6000 manuskrip Melayu dalam tulisan jawi yang disimpan di perpustakaan dan muzium seluruh dunia seperti London, Leiden, Singapura, Jakarta, Lisbon dan Berlin (Lani *et al.*, 2006), Wieringa (1998), Nicholson (1910), Teuku Iskandar (1999), Cabaton (1912), Van Ronkel (1908, 1909), Ricklefs dan Voorhoeve (1977), Hurgronje (1989), Zakaria (1998), Mamat (1985, 1993), Ahmat (1992, 1993), Omar (1991), Braginsky dan Boldyрева (1989). Manuskrip ini didapati ditulis dalam pelbagai bidang ilmu antaranya fiqh, akidah, usuluddin, tasawuf, jihad dan seumpamanya. Namun demikian, dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menumpukan perhatian kepada kitab jawi yang menyentuh tentang persoalan jihad. Ia dipengaruhi oleh beberapa peranan dan karya-karya ulama Melayu-Islam di Alam Melayu antaranya:

a. Peranan dan Karya Jihad Syeikh Daud Pattani

Beliau boleh dikatakan sebagai pelopor jihad di Alam Melayu dengan menulis kitab jawi yang menerangkan kewajipan jihad melawan penjajah kepada umat Islam. Perbincangan isu jihad terkandung secara terpecah dalam tiga buah kitab yang dihasilkan; (1) *Lum'ul Fawa'id*, (2) *kitab Tuhfatul Gharibin* dan (3) *kitab Munyat Muslli* (Azra, 2005). Apabila dilakukan analisis kandungan terhadap ketiga-tiga kitab ini, dapat dirumuskan beberapa perkara.

Pertama: Walaupun Daud Pattani berada jauh di Timur Tengah tetapi semangat sayangkan tanah air tetap kuat mempengaruhinya. Ia tidak mahu terputus hubungan dengan nasib yang dialami oleh masyarakat tanah tumpah darahnya, Pattani.

Kedua: Memberi semangat jihad berasaskan penegasan al-Quran, al-Sunah dan pandangan ulama kepada pejuang Islam di Pattani. Ia menganggap jihad di Alam Melayu bukan sia-sia tetapi mereka akan mendapat ganjaran pahala di dunia dan akhirat yang dijanjikan Allah. Untuk itu ia menggalakkan dan berusaha menaikkan semangat jihad ini bagi masyarakat Islam Pattani meneruskan jihad kerana dianggap sebagai fardu ain demi mengekalkan Kerajaan Islam terus kekal berkuasa. Tanpa jihad, maka sia-sia amalan agama daripada aspek akidah, sufi dan syariah. Ringkasnya, Islam bukan setakat untuk difahami semata-mata bahkan perlu turut dibuktikan dengan jihad yang bakal mengorbankan nyawa. Ia dapat meraih status mati syahid, suatu status yang sangat tinggi di sisi Allah. Beliau sengaja menggunakan ayat seruan jihad ini secara umum untuk semua penduduk Alam Melayu kerana memaklumi nasib umat Islam yang ditindas oleh penjajah Barat bukan setakat di Pattani, tetapi termasuk juga di Aceh, Tanah Melayu, Filipina dan Sumatera (Ismail, 2011).

Ketiga: Menerangkan matlamat dan hukum jihad. Maqasid jihad adalah untuk memastikan agar Kerajaan Islam sentiasa terpelihara kerana tanpa sebuah kerajaan, sudah pasti pengamalan Islam yang menyeluruh menjadi mustahil dapat dilaksanakan. Kerajaan Islam ini sangat penting untuk tetap terpelihara agar pelaksanaan syariah dan penyebaran syiar Islam sentiasa terus dapat berkembang di samping mewujudkan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Atas dasar ini, Ibn Khaldun berpendapat bahawa fitrah dan sifat sayangkan bangsa sendiri (*asabiyah*) adalah nikmat yang diberikan oleh Allah pada setiap manusia. Teori *asabiyah* ini memberikan signifikan penting dalam memperjelas hala tuju dan pembinaan negara bangsa yang stabil (Faghizadeh, 2004).

Sehubungan dengan itu, menurut Burhanuddin Helmi, semangat sayangkan tanah air ini sememangnya mempunyai ikatan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang mendasari semangat sayangkan bangsa ini iaitu iman, diri, bangsa dan *watan*. Iman berada dalam diri, manakala diri berada dalam lingkungan bangsa dan bangsa pula membangun di atas *watan*. Sebagaimana manusia mencintai kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan *watan* sangat penting untuk memastikan agama

dapat dipelihara di atas bumi (Jaffar, 2000). Hukum jihad itu wajib bagi imam atau pemimpin Islam untuk mengisytiharkannya. Ia menjadi fardu ain yang wajib dilakukan kepada semua masyarakat Islam kecuali golongan tertentu yang dikecualikan seperti kanak-kanak, wanita, orang sakit dan hamba. Pelajar-pelajar agama dan ahli sufi yang aktif wajib melibatkan diri dalam jihad. Bagi memastikan seruan jihadnya mendapat perhatian pembaca, Daud Pattani telah mengemukakan hujah kefarduan jihad ini, sama ada fardu ain atau kifayah berdasarkan sejumlah besar ayat al-Quran, al-Sunah dan pandangan ulama.

Keempat: Menyedarkan masyarakat Islam di Alam Melayu tentang nasib umat Islam di Pattani yang ditindas oleh Kerajaan Siam. Hal ini demikian kerana, ia tahu umat Islam di Alam Melayu berada dalam zon selesa hingga melupakan nasib yang dialami oleh masyarakat Pattani. Ia seolah-olah sudah dapat menjangka sikap umat Islam di kawasan lain yang enggan mempedulikan nasib umat Islam di Pattani sepertimana berlaku di zaman terkemudian. Umat Islam di kawasan lain wajib mengambil sikap prihatin dan membantu perjuangan umat Islam Pattani. Sebagai dorongan utama, ia menceritakan kelebihan orang yang berjihad pada jalan Allah berbanding dengan orang biasa.

Karya-karya ini merangkumi doktrin jihad dan doktrin politik dalam salah satu perbincangannya dan diaplikasikan dalam silibus pengajian di Alam Melayu. Hal ini bermakna, sistem pengajian pondok di Alam Melayu sememangnya membahaskan doktrin jihad (Rahim, 2017). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa doktrin jihad adalah pemacu berlakunya proses pengislaman di Alam Melayu. Misalnya doktrin jihad Syeikh Daud al-Fathani diterangkan dalam Kitab *Bughyah al-Tullab* yang tercatat kenyataan yang berikut:

Dan setengah daripadanya, perang sabil bagi kuffar, yakni wajib bagi Imam itu pergi perang kepada negeri mereka itu, maka iaitu fardu kifayah dengan ijmak. Atau Naib Imam pergi dengan tentera kerana perang bagi mereka itu. “Atau diperbaiki akan kota yang antaranya dan antara negeri mereka itu, serta diteguhkan dia, dan ditaruhkan senjatanya, dan orang yang menunggu padanya sekira-kira memadai melawan akan mereka itu. Maka hendaklah diperbuat akan salah

suatu daripada keduanya maka gugurlah fardu kifayahnya. Ini jika tiada mereka itu datang kepada negeri kita.“Maka jika datang ia kepada negeri Islam, maka jadilah fardu ain atas tiap-tiap seorang daripada negeri yang ia masuk itu, hingga perempuan dan sahaya orang ... (Syeikh Daud al-Fathani, t.th.; Abdullah, 2009).

Contoh lain dapat dilihat dalam Kitab *Muniyyat al-Musalli*, karya Syeikh Daud al-Fathani yang telah memuatkan penulisan berkaitan doktrin perang dan jihad walaupun genre asal kitab tersebut berkaitan pelaksanaan solat. Hal ini boleh dilihat umpamanya dalam bab satu, Syeikh Daud al-Fathani (2010) menyatakan:

Dan dikehendak dengan solat al-wustha, iaitu sembahyang asar. Dan adapun sebab ditentukan dengan menyebut akan dia kerana kelebihannya dan mulianya atas yang lainnya. Dan adalah sebab diturunkan ayat ini kerana memudahkan sembahyang tatkala takut. Bahwasanya orang Islam serta Rasulullah SAW pada setengah daripada peperangan, sembahyang Rasulullah SAW sembahyang zohor atas jalan adatnya dan adalah musyrikun hampir dengan mereka itu melihat ia akan Muslimin. Maka tatkala selesai mereka itu dari sembahyang,kata setengah daripada musyrikin “jikalau kamu kerempak (menyerang serentak) atas mereka itu padahal mereka itu dalam sembahyang mereka itu,nescaya mengena kamu akan mereka itu.” Maka berkata setengah yang lainnya bahwasanya bagi mereka itu kemudian daripada sembahyang ini terlebih kasih kepada mereka itu daripada bapa-bapa mereka itu dan daripada anak-anaknya yakni dikehendakinya mereka itu sembahyang asar. Maka turun Jibril a.s. atas Rasulullah SAW dengan sembahyang kaifiat syiddah al-khauf. Maka titik olehmu betapa kelebihan sembahyang asar dan nyatanya hingga mengetahui segala musyrikin kelebihannya.

Kendatipun inti utama perbahasan adalah menyentuh isu solat dalam situasi peperangan, namun secara tidak langsung, penekanan doktrin seruan jihad dapat dikesan dengan jelas didalamnya.

a. Peranan dan Karya Abdul Samad Palimbani.

Karyanya adalah *Nasihah Muslimin* yang ditulis dalam bahasa Arab untuk dapat dibaca oleh seluruh umat Islam dunia tanpa terhenti kepada umat

Islam di Alam Melayu semata-mata. Antara sebab lain ia ditulis dalam bahasa Arab kerana ingin mengaburi pihak penjajah Belanda kerana mereka tidak memahami bahasa Arab. Hal terbukti apabila kitab ini berada dalam simpanan Snouck Hurgronje.

Matlmat utama kitab ini adalah bagi membangkitkan semangat jihad melawan penjajah Belanda. Ia mengandungi 7 pasal kesemuanya (Julkarnain, 2016);

- Bab 1: Keterangan tentang keutamaan dan perintah jihad. Ia membahagikan dua hukum jihad ini, iaitu fardu ain apabila musuh menyerang negara Islam dan fardu kifayah apabila khidmat diperlukan untuk membantu saudara seislam.
- Bab 2: Hadis-hadis tentang keutamaan jihad. Antaranya hadis tentang jihad sebagai amalan paling utama lebih 50 kali menunaikan ibadat haji.
- Bab 3: Keutamaan persiapan jihad.
- Bab 4: Hadis tentang keutamaan infaq di jalan Allah dan persiapan perang.
- Bab 5: Keutamaan mempersiapkan kelengkapan jihad dan perintah latihan memanah.
- Bab 6: Keutamaan mati syahid. Antaranya hadis tentang balasan jihad pahalanya tetap bertambah dan aman daripada fitnah azab kubur. Pahalanya berjihad pada malam hari bersamaan 1000 malam berpuasa dan solat.
- Bab 7: Beberapa syarat dan ketentuan jihad.
- Bab 8: Penutup - saat yang paling sesuai melakukan jihad.

Kitab ini secara langsung membincangkan perang secara fizikal (*Qital*) melawan musuh Belanda. Jihad ini diperlukan bagi menjaga kelangsungan harkat, negara, martabat dan kedudukan agama Islam. Ternyata sekali kitab ini banyak memberi pengaruh kepada usaha jihad di Alam Melayu. Contohnya *Hikayat Perang Sabil* di Aceh memang terpengaruh dengan kitab ini. Dari segi penghujahan dan dalil, ia memberikan 35 ayat Quran yang menggalakkan jihad kepada umat Islam. Ia menerangkan siapa yang perlu berjihad; orang lelaki sihat beriman. Ia menggunakan 13 hadis nabi dan beberapa pendapat fuqaha dan mufasirin yang muktabar. Di akhir kitabnya, ia ada memberikan beberapa doa, azimat dan benteng diri yang berguna

bagi orang yang berjihad. Ia mengajar supaya membaca ayat “laqaja akum” sebanyak 10 kali selepas solat. Manfaatnya adalah bagi menghindarkan diri daripada gangguan musuh dan panjang umur.

3. Dimensi Taktikal Sosiopolitik dalam Jihad

Tokoh ulama Jawi ; Sheikh Ahmad Zain Patani dan Abdul Samad Falimbani telah menyalurkan sokongan dan semangat jihad kepada pemerintah Alam Melayu. Sheikh Ahmad Zain Patani mempunyai hubungan peribadi dengan pemerintah Alam Melayu. Dalam soal ini beberapa bukti boleh diberikan; *Pertama*, pada tahun 1772, Syeikh Abdul Samad al-Falimbani telah mengantar delegasi menghadap Sultan Hamengkubowono I dan Susuhunan Prabu Laka. Beliau juga telah mengutus sepucuk surat yang mengandungi ayat-ayat pujian terhadap perjuangan jihad yang dilakukan oleh Raja Mataram terdahulu, serta memohon agar mereka meneruskan perjuangan jihad melawan penjajah (Drewes, 1976). *Kedua*, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain merupakan seorang ulama yang ditugaskan memelihara hubungan baik pemerintah dan menjadi sumber rujukan di Alam Melayu. Antaranya termasuklah sultan di Kerajaan Pattani, Terengganu, Kelantan, Kedah, Johor, Riau-Lingga, Deli, Langkat, Pontianak dan Sambas. Sebagai contohnya, beliau pernah mengutuskan sepucuk surat yang berisi serangkap doa beliau bagi mendoakan kesejahteraan dan memohon berkat atas pertabalan Sultan Mansur Kelantan pada tahun 1891. Antara inti pati doa tersebut adalah seperti yang berikut (Daud, 2009):

Bahaha Engkau sentosakan dia (Sultan Mansur) dan negerinya (Kelantan) dan rakyatnya dan segala negeri Melayu dan raja-rajanya daripada segala kejahanan kafir dan tipu daya mereka itu. Dan tegahkan hai Tuhanmu daripada masuk mereka itu, kafir, ke Kelantan dan segala negeri Melayu dengan memerintah padanya barang perintah ada ia.

Perutusan surat-surat tersebut menjadi bukti betapa ulama Melayu yang berada di Makkah sangat peduli terhadap urusan memelihara Tanah Melayu daripada penjajah. Oleh itu, mereka mengambil inisiatif dengan mengutuskan sepucuk surat yang berisi *moral support* dan nilai perjuangan kepada sultan untuk menyokong gerakan jihad terhadap penjajah di samping

berdoa dan memohon kepada Allah agar melindungi ketuanan Melayu daripada gugur di tangan penjajah.

IMPAK JIHAD ASHAB JAWI DI TANAH MELAYU

Gerakan jihad menentang penjajah telah menyebabkan perubahan corak pemikiran orang Melayu. Antara impak yang dapat dikenal pasti antaranya adalah kepada umat Islam dan penjajah itu sendiri. Berikut merupakan perincinya:

1. Impak kepada Umat Islam

Dirujuk kepada perjuangan jihad di Alam Melayu, ia boleh dikategorikan kepada dua iaitu jihad dalam bidang dakwah dan jihad perang. Jihad dakwah bermaksud suatu bentuk usaha dan pengorbanan ulama untuk menyampaikan syiar Islam (dakwah Islamiah) kepada semua golongan. Jihad perang pula mewakili bentuk sebenar jihad iaitu penentangan bersenjata melawan penjajah Barat seperti yang dilakukan oleh ulama di Alam Melayu. Antaranya termasuklah Tok Janggut, Nawawi al-Bantani, Yusuf Makassar, Syeikh Daud al-Fathani, dan Abdul Samad al-Falimbani.

Perjuangan menentang penjajah juga boleh diertikan sebagai perjuangan kebangsaan (patriotisme) telah bermula sejak awal abad ke-19. Perjuangan patriotisme yang berlaku di Tanah Melayu tertumpu di peringkat daerah dan negeri. Ia bermula sejak pihak Portugis tiba di negeri Melaka pada tahun 1511 Masihi, manakala Belanda tiba pada tahun 1641 dan Inggeris pada abad ke-19. Campur tangan Inggeris di Tanah Melayu bermula secara rasmi setelah termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 (Bakar, 2001). Berdasarkan catatan sejarah, pihak British telah cuba memasuki Pahang pada tahun 1885 melalui rundingan Fank Swettenham (yang telah diutuskan oleh Gabenor Smith), namun usaha tersebut tidak berhasil. Pada tahun 1886 pula Gabenor Fred A. Weld juga telah datang ke istana untuk menemui sultan bagi memeterai suatu perjanjian dua hala dengan pihak Inggeris (British). Namun, usaha tersebut juga tidak membawa hasil. Kesungguhan pihak British ini akhirnya membawa hasil iaitu pada tahun 1887, Hugh Clifford telah datang bersama dengan surat

sokongan Kerajaan Johor yang mengakibatkan Sultan Ahmad terpaksa menandatangani perjanjian dengan pihak British (W. Linehan, 1936).

Walau bagaimanapun, pemeteraihan perjanjian ini tidak menandakan kerelaan Sultan Ahmad dan juga para pembesar Pahang terhadap pihak British. Rentetan peristiwa itu, ia telah mengakibatkan tercetusnya siri peperangan melawan British di Pahang. Bermulanya perang pada tahun 1891 sehingga 1895 di Lubuk Terua (Ooi, 2009). Perang tersebut dikenali sebagai Perang Bahaman yang telah menyemarakkan lagi aura kebangkitan pejuang Melayu Pahang menentang penjajah (Malek, 1998). Daripada siri peristiwa ini kita dapat mengenal pasti beberapa perkara utama:

Pertama: Perjuangan ini tercetus kerana semangat jihad di samping tidak puas hati dengan perubahan paksaan yang dibawa oleh British. Lebih-lebih lagi British memaksa raja dan pembesar Melayu tanpa mengambil kira budaya Melayu. Sebenarnya, penentangan ini turut direstui oleh raja Melayu sendiri.

Kedua: Ia mendapat dukungan majoriti masyarakat Melayu, khususnya golongan ulama. Ulama memang menjadi tempat rujuk dan pembangkit semangat Jihad. Hal ini memang dimaklumi oleh pihak British sendiri. Para pejuang negeri Pahang sememangnya memiliki hubungan dengan golongan ulama di Terengganu misalnya Tok Ku Paloh. Tok Ku Paloh adalah individu yang berperanan menyemarakkan semangat jihad dalam diri para pejuang Pahang. Dengan kekuatan semangat jihad tersebut, angkatan Dato' Bahaman (bersama Tok Janggut dan Mat Kilau) telah melancarkan serangan di kubu British yang terletak di Kuala Tembeling dan selanjutnya mereka berhasil menawan Jeram Ampai (Ghazali, 2012).

Ketiga: Sememangnya ada elemen pembelot yang menyokong British demi mendapatkan kuasa yang bersifat sementara. Apabila pahlawan Melayu ini bersama keluarga mereka melarikan diri ke Terengganu pada akhir 1892 kerana British meningkatkan jumlah tentera mereka, muncul dua pembesar Melayu yang menjadi penyokong British iaitu Toh Raja Jelai dan Panglima Garang Yusof. Mereka berdua bersama pengikut mereka terlibat dalam serangan British merampas kubu Jeram Ampai pada 25 Jun 1894.

Keempat: Ia dilakukan dengan penuh perancangan strategik. Antaranya (Chandran, 1972).

- a. Teknik risikan sebelum sesuatu tindakan dan serangan dilakukan pada British.
- b. Teknik putar belit bagi memesangkan serangan British dalam Operasi British di kubu Jeram Ampai. Dato Bahaman telah menggunakan tiga orang pemandu jalan di dalam hutan (Mat Tahir, Yacob dan Dabeb) kepada R.W. Duff. Duff yang sepatutnya membawa 78 orang tentera British menyerang kubu Jeram Ampai pada 25 Jun 1894 telah gagal berbuat demikian. Hal ini menyebabkan R.W. Duff dan askar Sikh gagal membantu serangan di kubu Jeram Ampai bersama-sama dengan pasukan Kapten Lyons dan Kapten Walker, seperti dirancangkan lebih awal oleh pihak British.
- c. Menjadikan hutan sebagai tempat peperangan kerana mengetahui tentera British dan askar Sikh tidak mempunyai pengalaman dalam perang gerila dalam hutan. Hal ini terbukti apabila askar Sikh dalam pasukan Kapten Wise menjadi kelam kabut apabila diserang oleh pahlawan Melayu. Mereka telah tertembak sesama sendiri sehingga menyebabkan Kapten Wise dan beberapa orang lagi terbunuh. Pahlawan Melayu juga menjadikan hutan sebagai tempat bersembunyi dan mlarikan diri.
- d. Taktik persediaan awal untuk mlarikan diri andainya terjadi apa-apa masalah. Mereka telah memastikan terlebih dahulu mendapatkan bantuan logistik sebelum dan selepas perang dilakukan. Mereka telah bersembunyi untuk mengumpul dan meraih sokongan daripada masyarakat.

Kesemua taktik ini menyebabkan British terpaksa mengeluarkan belanja yang besar dan masa yang lama untuk menghapuskan penentangan ini. Penentangan penjajah di Pahang pada hakikatnya adalah didasari tujuan untuk mempertahankan dan memelihara kesucian agama, tanah air dan ketuanan Melayu (Ali, 2008). Hal ini demikian kerana, para pejuang

yang melawan penjajah peka dengan niat sebenar mereka datang ke Alam Melayu, iaitu ingin memperluaskan pengaruh agama Kristian, mengeksplot hasil bumi dan ingin menunjukkan kekuasaan dan kekuatan mereka kepada dunia. Sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh para sejarawan iaitu 3G akronim kepada, *God* atau *Gospel*, *Glory* dan *Gold* (Tjandrasasmita, 2009).

Kenyataan tersebut sebenarnya disokong dengan penjelasan daripada cucu Mat Kilau mengenai perjuangannya menentang British sebagaimana berikut (Temu bual *Bernama*, 2006);

Dia (Mat Kilau) jawab orang putih nak sebarkan Kristian mungkin sebab takut Islam semakin kuat di Asia, terutama di Kelantan dan Aceh hingga mendapat jolokan Serambi Mekah. Mat Kilau sedar bahawa pihak British selain mahu menjajah mereka juga mahu menyebarkan ajaran Kristian berbanding niat asal kononnya ingin menjalankan perdagangan rempah ratus dan bijih timah.

Kenyataan cucu Mat Kilau ini bertepatan dengan sebab utama pensyariatan jihad. Maqasid utama pensyariatan jihad mencapai kebaikan dan menolak kemudarat (Fauzan, 2009). Oleh itu, sebarang bentuk tindakan yang jelas memberikan kemudarat terhadap kelangsungan Islam dan penganutnya, jihad dibolehkan sebagaimana yang berlaku dalam konteks di negeri Pahang.

Para pejuang Pahang juga mempunyai hubungan erat dengan negeri Kelantan dan Terengganu. Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau dikatakan telah berundur dan berlindung di dua negeri tersebut daripada dikejar oleh pihak British. Hal ini demikian kerana, mereka berasa yakin dan selamat berada di dua negeri tersebut hasil hubungan baik yang erat antara negeri Pahang dengan Kelantan dan Terengganu, sedangkan sebagaimana yang diketahui perjuangan melawan penjajah di dua negeri tersebut disemarakkan oleh golongan ulama. Oleh hal yang demikian, hubungan yang terjalin antara Pahang, Terengganu dan Kelantan tidak terhad kepada intelektual namun termasuk perjuangan dan jihad (Nor, 2011).

2. Impak kepada Dasar Penjajah British dan Belanda

Pihak penjajah British sememangnya menyedari pengaruh jaringan jihad daripada negeri serantau dan juga antarabangsa di Pahang. Contohnya boleh dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh R.A. Blasdell dari London Missionary Society. Kajian beliau berkisar tentang praktis dan persepsi Islam dalam kalangan masyarakat Melayu pada awal tahun 1940-an bertujuan untuk mencari cara agar agama Kristian dapat disebarluaskan di Tanah Melayu. Dalam pengamatannya, Blasdell mendapati orang Melayu yang pergi menunaikan ibadah haji ke Makkah akan tinggal di sana selama beberapa tahun untuk mempelajari ilmu agama Islam dan menjadi seorang ulama, sekembalinya mereka ke Tanah Melayu mereka akan menubuhkan sebuah pondok pengajian bagi meningkatkan kefahaman Islam dalam masyarakat. Hal ini termasuk usaha menyemai semangat jihad melawan penjajah British dalam kalangan pelajarnya (Blasdell, 1945).

Bukti sejarah ini secara langsung telah menjadi suatu pendedahan yang mampu memacu perjuangan orang Melayu menentang penjajah di Tanah Melayu. Dalam sejarah Tanah Melayu yang disusun oleh sarjana kolonial, sentrik penjajah menjelaskan bahawa perjuangan Melayu Pahang ini terpencil, bersendirian dan diasaskan kerana kepentingan diri. Sentrik Barat menafikan sama sekali, ia dilakukan berlandaskan kepada semangat jihad dan kepentingan umat. Bahkan, pihak Barat berusaha untuk melenyapkan sama sekali sejarah keagungan Islam silam yang membangkitkan semangat penganut Islam pada hari ini. Sebaliknya, mereka mendakwa bahawa bangsa barat adalah pembawa obor ketamadunan, dan kemodenan kepada masyarakat Melayu (Rahim, 2012).

KESIMPULAN

Kebangkitan menentang penjajah yang seterusnya meniupkan semangat nasionalisme Melayu Islam memang telah dimainkan oleh ulama silam, khususnya *Ashab Jawi*. Fakta sejarah membuktikan hal ini walaupun peranan mereka sering ditenggelamkan oleh paparan sejarah tajaan British. Mereka menonjolkan tokoh feudal Melayu sebagai pejuang kemerdekaan terawal. Pandangan palsu ini wajib diperbetulkan demi menimbulkan

kebenaran dan menunjukkan dimensi jihad ulama Melayu bercirikan semangat keagamaan yang bakal meraih pahala syuhada di sisi Allah.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah - Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada KPM dan ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

RUJUKAN

- Al-Junied, S. M. K. (2005). Western images of Meccan pilgrims in the Dutch East Indies, 1800-1900. *SARI*, 23, 105-122.
- Ariffin, K. et al. (2012). Kurikulum pelajaran vernakular Melayu di Tanah Melayu pada zaman kolonial British sehingga perang dunia kedua. *MANU*, 18, 1-31.
- Azra, A. (2005). *Jaringan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Prenada Media.
- Bakar, A. L. A. (2001). Gerakan kebangsaan di negeri Pahang sebelum merdeka. Dlm. Zainuddin Haji Jumaat et al. (ed.). *Pahang Meniti Zaman. Persatuan Sejarah Malaysia*, 62.
- Bernama. (2006). Rujuk; Tuan Sharifah Shahaini & Zafri Razali. *Mat Kilau Pejuang Yang Dilabelkan Pemberontak*. Bernama.com diakses dari <http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/printable.php?id=215337>
- Blasdell, R. A. (1945). Islam in Malaya. *International Review of Missions*, XXXIV, 169.
- Boxer, C. R. (1969). A note on Portuguese reactions to the revival of The Red Sea Spice Trade and The Rise of Atjeh, 1540-1600. *Journal of Southeast Asian History*, 10 (3), 424.
- Braddel, T. (1851). On the history of Achene. *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 5, 18.
- Bruinessen, M. V. (1992). Tarekat dan politik: Amalan untuk dunia atau akherat? *Pesantren IX*(1), 3-14.
- Chandran. (1972). The Pahang expedition 1894. *Malayan Police Magazine*, Jilid IL (7), 240-245, Julai 1929.
- Darusman, L. H. (2008). *Jihad in two faces of Shariah: Sufism and Islamic Jurisprudence (Fiqh) and the revival of Islamic movements in the Malay World*. Tesis PhD (Unpublished). The Australian National University, Canberra.
- Daud, H. (2009). Islam dan politik: Dinamika kerjasama tokoh serumpun dalam menghadapi penjajah. Kertas kerja dalam *Dialog Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Indonesia-Malaysia*. Tanjung Pinang, Indonesia, 7-9 Oktober 2009.

- Ghazali, A. Z. (2012). Persekutuan Tanah Melayu merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan jejak perjuangan patriot dan nasionalis menentang British. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 40 (9).
- Fauzan, S. (2009). *Al-Jihad Dawabituhu wa Ahkamuhi*. Al-Riyad: Dar Kunuz Isybiliya, 14.
- Hadi, A. (1992). *Aceh and the Portuguese: A study of the struggle of Islam in South East Asia 1500–1579*. Disertasi Sarjana (tidak diterbitkan). Institute of Islamic Studies, McGill University, Canada.
- Hassan, H. M. T. H. (2001). Tokoh-tokoh ulama di Negeri Pahang Darul Makmur. Dlm. Jumaat, Z. H. et al. (ed.), *Pahang Meniti Zaman* (hlm.126-161). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Hassan, M. H. (2007). Explaining Islam's special position and the politic of Islam in Malaysia. *The Muslim World*, V (97), 287-296.
- Hassan, M. H. (2014). *Islamic legal thought and practices of seventeenth century Aceh: Treating the other*. Tesis Phd. (unpublished), Institute of Islamic Studies, McGill University, Canada.
- Husin Ali, S. H. (2008). The Malays their problems and future. *The Other Press*, 15.
- Ishak, M. S. A. (2000). *The Malays in the Middle East*. Kuala Lumpur, 26-34.
- Ismail, A. S. (2011). Persepsi kalimah jihad menurut pandangan ulama Nusantara. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Dlm. Kamaruzaman, A. F., Jamsari, E. A., Rozali, E. A., Zain, F. M., & Zainal, H. (ed.), (hlm. 86-90).
- Ismail, A. S. et al. (2014). Scholar's Jihad Ta'limi in Pahang during the 19th century. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20(12), 2142-2146; 2144-2145.
- Ismail, M. R. (2015). *Kerdipan bintang Melayu di bumi Turki*. Selangor: Karangkraf.
- Julkarnain, M. (2016). Resolusi jihad Muslim Nusantara Abad XVIII: Interpretasi Jihad Abdul Al-Samad Al-Falimbani. *Tajdid*, XV (10), 41-67.
- Kamaruddin Jaffar, K. (2000). Burhanuddin Al-Helmy; Pemikiran dan Perjuangan. *IKDAS*, 48-51.
- Linehan, W. (1936). *A history of Pahang*. MBRAS. (h. 111).
- Madjid, M. D. (2012). Knitting togetherness among the allied Malay: Aceh-Minangkabau-The Malay Peninsula. *Tawarikh: International Journal for Historical Studies*, 4 (1), 1-17.
- Malek, M. R. A. (1998). Kesan sejarah dan tempat-tempat menarik Pahang. Oscar Book, 23.
- Mamat, A & Jonit, A. (2019). Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara. Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor. 22 Oktober 2019.
- Masae, S & Hamid, F.A. (2014). Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Sumbangannya dalam Pendidikan Islam di Pattani. *Jurnal al-Muqaddimmah*, 2 (2), 102–14.
- Mehmet Ozay, M. (2011). A revisiting cultural transformation: Education system in Malaya during the colonial era. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 1 (1), 37-48.

- Nawang, A. H. (1998). *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur.
- Nor, M. R. M. (2011). Keterlibatan ulama' dalam perjuangan kemerdekaan di Terengganu. Dlm. Azmul Fahimi *et al.* (ed.). *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 300-304.
- Noor, A. M. (2001). Pensejarahan di dalam tradisi Barat dan Melayu: Satu perbandingan ringkas. Dlm. Redzuan Othman (Ed.), *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malay, hlm. 26-27.
- Ooi, K. G. (2009). *Historical dictionary of Malaysia*. United Kingdom: Scarecrow Press.
- Peacock, A. C. S. (2015). The economic relationship between the Ottoman Empire and Southeast Asia in the seventeenth century. *Proceedings of the British Academy; From Anatolia to Aceh, Ottoman, Turks and Southeast Asia*. Oxford: Oxford University Press.
- Rahim, R. A. A. (2012). Pemodenan dan kesejahteraan manusia dari perspektif Orientalism. *Jurnal Jebat*, 39(2).
- Rahim, R. A. A. (2017). Dimensi jihad dalam perjuangan pahlawan Melayu menentang penjajah di Pahang. *Jurnal Melayu DBP*, 10(1), 90-107.
- Reid, A. (1990). An age of commerce in Southeast Asian History. *Modern Asian Studies*, 24, 5.
- Saleh Faghizadeh, S. (2004). Sosiologi Sosiologi (terj. Mohd Fauzi Yaacob). *ITNMB*, 15-118.
- Samsudin, M. A., & Yahaya, M. Z. (2011). Pemikiran usul fikah Syeikh Ahmad al-Fatani dalam Kitab al-Fatawa al-Fataniyyah. *Jurnal Melayu*, 7, 173–192.
- Tahtooch, H. A. (1987). *Commercial relations between the Arab world and India (3rd and 4th/9th and 10th Centuries)*. Tesis PhD. (unpublished). University of St. Andrews. Scotland.
- Talib, S. (1997). The Asiatic Archipelago: History beyond boundaries. *JATI*, 3, 132-135.
- Tan, Y. S. (2009). The British educational policy for the indigenous community in Malaya: Dualistic structure, colonial interests and Malay radical nationalism. *CenPRIS Working Paper No. USM*, 103/ 09 June 2009, pp. 1-16.
- Uka Tjandrasasmita, U. (2009). *Arkeologi Islam Nusantara*. Jakarta: Gramedia.
- Wahid, Z. A. A. (1992). Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya dan Kelahiran UMNO. Dlm. Wahid, Z. A. A *et al.* (ed.), *Malaysia: Warisan dan Perkembangan* (hlm.193-195). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuff, N. A. (2007). Institusi dan sistem pendidikan Islam: Suatu analisa tahap perkembangannya di Kelantan, *Jurnal Al- Tamaddun*, 2, 139 – 160.

RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Bidang pengkhususan dan penyelidikan beliau meliputi Sosiologi Hukum Islam, Pengajian Syariah di Malaysia, dan Fiqh Semasa.

SYAMSULAZIZUL MARINSAH (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang kepakaran beliau ialah Sosiologi Hukum Islam, Fiqh Budaya dan Fiqh Kontemporari.

AHMAD FARID BIN ABDUL JALAL merupakan Pengarah Perbadanan di Muzium Seni Pahang, Jalan Masjid, Kuantan, Pahang. Beliau banyak menulis artikel berkaitan dengan sejarah Pahang dan penulisan berkaitan muzium.

